

PENUTUP

PENUTUP

1. KONSEP ZAKAT DAN TAKRIF ZAKAT AL-MĀL AL-MUSTAFAĀD

1.1. Zakat al-Māḷ al-Mustafaād ialah pendapatan baru yang tidak tertakluk kepada mana-mana struktur nas dan dalil harta yang dikenakan zakat yang ada. Kewajipan zakat itu akan melibatkan secara langsung mengenai pendapatan gaji, elaun, subsidi, pendapatan ahli profesional, pendapatan pindahan dan lain-lain pendapatan. Oleh itu, kajian zakat perlu diperluaskan lagi kerana istilah yang dipakai dalam sistem zakat merupakan istilah yang sistematik, padu, universal dan konvensional iaitu perkataan zakat, sedekah dan infāq sebagaimana yang diungkapkan di dalam al-Qur'ān dan al-Ḥadīth. Dengan cara itu sistem zakat dapat diaplikasikan ke dalam sistem ekonomi dan masyarakat yang ada sekarang dengan rasa keimanan dan ketakwaan kerana

jika pola zakat ditangani secara rasional dan bijaksana zakat boleh menjadi dana ekonomi umat Islam yang berjaya.

- 1.2. Pada peringkat awal, iaitu pada masa Nabi masih lagi menetap di kota Makkah zakat ditakrifkan sebagai sedekah dan infāq fi sabīl Allāh secara ad hoc. Jenis zakat, kadar zakat, nisāb dan hawl tidak ditetapkan secara khusus. Kuantiti zakat yang dibayar kepada negara lahir daripada rasa keimanan seseorang. Kemudian, selepas tahun ke II Hijriyyah zakat menjadi satu sistem yang diperundangkan sesuai dengan peredaran dan kemajuann sosio-ekonomi masyarakat ketika itu. Namun setiap perubahan yang terjadi tetap berasaskan kepada kehendak wahyu dan nas al-Hadīth. Wahyu dijadikan asas kepada gerakan ijtihad para Sahabat dan Tābi'īn agar sistem zakat terus maju dan berwibawa. Dengan itu, ijtihad secara kolektif yang dianggotai oleh berbagai-bagai bidang ilmu merupakan satu proses terbaik bagi mengembangkan lagi polisi, falsafah dan undang-undang zakat.

2. PRASYARAT ZAKAT YANG DINAMIS DAN PRODUKTIF

2.1. Keunggulan zakat adalah disebabkan keterikatannya dengan prasyarat yang rasional, dinamis dan produktif. Di antara prasyarat utama harta kenaan zakat berasaskan kepada harta yang mempunyai fungsi berkembang secara semulajadi atau secara dimajukan. Pertumbuhan ekonomi yang wujud sekarang secara tidak langsung melahirkan harta kenaan zakat yang baru, walaupun sebelum ini harta tersebut dibebaskan daripada zakat seperti kuda, madu, sayur-sayuran, buah-buahan, minyak, mutiara, gaji, elaun, bonus, sewa bangunan dan sewa pengangkutan, pendapatan ahli profesional, subsidi dan lain-lain lagi. Maka sebaik-baiknya penganalogian sesuatu hukum baru mesti diterokai dengan tekun agar setiap produksi ekonomi tidak terlepas daripada sistem zakat.

2.2. Kita menuntut satu kebijaksanaan baru mengenai pentafsiran ayat-ayat al-Qur'ān dan nas al-Ḥadīth yang berkaitan dengan persoalan ekonomi dan kehar-taan. Tafsiran baru secara sepadu dan kolektif yang diusahakan bersungguh-sungguh supaya pengama-

lan perintah berzakat yang terkandung di dalam rukun Islam dapat di praktikkan dengan rasional. Selain daripada itu harta kenaan zakat pula boleh dikembangkan dengan dokongan ilmu pengetahuan di samping nas al-Qur'ān dan al-Hadīth. Dengan itu zakat tidak akan berpisah dengan sistem ibadah, ekonomi dan sosial. Dengan perancangan yang rapi dan bersungguh-sungguh kelemahan yang ada dalam sistem zakat sekarang dapat dibangunkan supaya dapat menandingi kemajuan ekonomi dan pembangunan masyarakat moden.

- 2.3. Memandangkan kemajuan ekonomi yang dicapai oleh Malaysia telah meningkat, dengan itu ramai penduduknya yang menjadi orang kaya dan berkemampuan melalui berbagai-bagai sumber perusahaan sama ada dengan menggunakan kepakaran atau tenaga fizikal sebagai majikan atau pekerja yang dibayar upah, elaun dan bonus. Pendapatan harian, bulan dan tahunan mereka telah melebihi had minimum niṣāb. Apakah pendapatan yang banyak itu terus dibebaskan zakat sedangkan petani yang berpendapatan RM400 semusim dibebankan dengan zakat sebanyak 5-10%. Berdasarkan prinsip yang diutarakan oleh al-Qur'ān dan al-Hadīth, persoalan zakat dikenakan kepada

orang yang berkemampuan atau kaya. Maka pendapatan al-Māl al-Mustafād tidak terkecuali daripada dikenakan zakat.

2.4. Persoalan nisāb, kadar zakat, dan hawl yang wujud di dalam sistem zakat, terutama mengenai zakat al-Māl al-Mustafād sering diperdebatkan. Persoalan tersebut patut dikaji semula berasaskan kepada konsep inflasi yang berlaku dalam sistem ekonomi. Disebabkan persoalan tersebut, terdapat juga masyarakat Islam yang berhelah sehingga mereka dapat mengelakkan diri daripada membayar zakat sedangkan mereka tergolong dalam golongan orang yang berada dan kaya jika dibandingkan dengan seorang pembayar zakat fitrah, padi dan peniaga kecil. Kajian semula itu bertujuan untuk menegakkan keadilan yang menjadi teras ajaran Islam supaya golongan yang berpendapatan kecil tidak tertindas.

3. KONSEP AMIL YANG PROAKTIF

3.1. Mobilisasi zakat tidak akan berjalan lancar kecuali mekanisme pengurusannya beroperasi dengan siste-

matik dan profesional. Institusi zakat di Malaysia yang dipelopori oleh Pejabat Baitulmal sebagai amil masih terlalu uzur sama ada diperingkat kakitangan yang tidak terlatih mahupun alat sokongan yang masih ketinggalan zaman sehingga pengaruh teknologi yang ada disekeliling mereka tidak mempengaruhi iklim pentadbiran zakat. Oleh itu, mengubah dan memperbaiki institusi itu patut disegerakan agar kutipan dan agihan zakat dapat menepati tuntutan Syari'ah bagi kesejahteraan dan kebahagiaan ummah.

- 3.2. Usaha yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan patut menjadi contoh kepada negeri-negeri lain. MAIWP telah menswastakan kerja-kerja kutipan zakat kepada sebuah korporat syarikat iaitu Hartasuci Sdn. Bhd. Di negara-negara lain seperti Mesir, Kuwait dan Saudi Arabia sistem kutipan zakat mendapat perhatian pentadbiran negara. Di Mesir kutipan zakat diselenggarakan oleh sebuah institusi kewangan iaitu Bank Nāsir yang mempunyai pakar-pakar keprofesionalan yang tinggi. Meningkatkan status dalam pentadbiran dan pengurusan adalah selaras dengan konsep inovatif yang pernah diterokai oleh kerajaan Islam semasa

mengasaskan sistem Baitulmal yang belum wujud sebelumnya.

4. MEMULIHKAN KEPERCAYAAN ORANG RAMAI TERHADAP INSTITUSI BAITULMAL

4.1. Baitulmal merupakan satu badan yang diberikan kuasa oleh kerajaan untuk memungut dan mengagihkan dana zakat kepada orang ramai di samping kerja-kerja lain yang berkaitan dengan harta orang Islam. Undang-undang pembayaran zakat melalui badan itu sering mendapat kritikan daripada bakal penzakat dan penerima agihannya disebabkan kurang keberkesanannya sebagai badan sosial yang membangunkan kebajikan asnāf.

4.2. Program membasmi kemiskinan mutlak hendaklah dijadikan program utama agihan zakat seperti bantuan segera dan asasi, mengadakan peluang pekerjaan, bantuan membeli saham syarikat secara berkelompok dan bantuan latihan di samping mempertingkatkan lagi program membangun kesedaran mental dan spritual cintakan negara, ilmu pengetahuan, ekonomi, akhlak dan mengukuhkan keimanan

umrah dan pengurus-pengurus zakat itu sendiri. Mudah-mudahan dengan langkah itu, kewibawaan Baitulmal dapat berfungsi seoptimumnya dan akan mendapat perhatian masyarakat.